

## ANALISIS LAKUAN TUTUR DALAM RUANGAN STATUS FACEBOOK

MASLIDA YUSOF & KARIM HARUN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### Abstrak

Kajian ini meneliti fungsi komunikasi melalui lakuhan tutur yang disampaikan oleh pengguna media sosial melalui ruangan/ aktiviti kemas kini status (update status). Kajian ini memfokuskan kepada media sosial iaitu *facebook* dengan anggapan medium ini merupakan rangkaian sosial secara *online* yang paling popular dalam kalangan pengguna media sosial. Dalam media sosial, ruangan dan pengemaskinian status aktiviti harian dianggap sebagai rutin oleh individu untuk berkomunikasi dengan jaringan sosial mereka. Ruang status dianggap sebagai jurnal personal yang mana individu merakamkan apa sahaja aktiviti, peristiwa dan pengalaman yang berlaku kepada mereka dan persekitaran mereka pada setiap hari. Dengan berbuat demikian, individu akan menggunakan pelbagai jenis lakuhan bahasa. Maka konteks bagi aktiviti pengemaskinian status adalah forum rangkaian sosial dan aktiviti menulis serta mengemas kini status merupakan satu lakuhan sosial (*social action*) yang menggunakan bahasa bagi melaksanakan sesuatu lakuhan. Bahasa yang digunakan untuk mengungkap pelbagai emosi dan perasaan, memulakan perbahasan atau menghina seseorang merupakan lakuhan tutur iaitu ujaran digunakan untuk melakukan sesuatu. Justeru, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengambil sampel ‘posting status’ dan analisis berdasarkan kerangka lakuhan tutur Searle (1969). Kajian ini mendapati status yang dihantar bukan sahaja menunjukkan kategori khusus lakuhan tutur namun kebanyakannya menunjukkan kategori gabungan beberapa lakuhan tutur dalam satu status. Kategori lakuhan tutur yang ditemui dalam ruangan status *facebook* ialah representatif, ekspresif dan

direktif. Kajian ini menunjukkan bahawa apa sahaja status yang dihantar sama ada dalam bentuk pernyataan, berita, petikan atau jenaka adalah juga memperlihatkan suatu lakukan turut yang hendak disampaikan dan dikongsi bersama dalam rangkaian sosial mereka.

**Kata kunci:** *Internet, media sosial, Facebook, status dan lakukan turut*

## ANALYSIS OF SPEECH ACTS IN FACEBOOK STATUS

### **Abstract**

This study examines the communicative functions of speech acts performed by users of the social media through updated status. The social media focused in this study is *facebook* with the assumption that this medium is one of the most popular online social network among the social media users. Through this medium, the updates of daily activities have taken place as a routine for an individual to communicate with their social contacts. Facebook status is thought of as a personal journal in which people record their everyday activities, events and experience that happens to him or her or to their surroundings on a daily basis and in doing so, the individual/user would have the tendency to use various acts of speech. Thus, the context for updating activity would serve as his or her social network forum and the act of writing a status and updating it is a form of a social action that uses language to execute the act(s) in question. The language used to capture various emotions and feelings, to start a debate or simply to insult or offend someone is a speech act or the speech used to actually *do* something. Thus, this study will employ the content analysis method by drawing upon samples of ‘status posting’ and the subsequent analysis will be based on Searle’s speech act framework. It is discovered in this study that the status published does not only point to any specific category of speech acts, but most of the statuses have illustrated a combination of categories in a single status. The categories of speech acts found in the status column in *facebook* are representative, expressive and directive. This study has shown that any status sent, either in the form of statement, news, quotations or humour, have demonstrated a speech act that is intended to be delivered and shared together in their social network.

**Keywords:** Internet, social media, Facebook, status and speech acts

## PENDAHULUAN

Pada hari ini, internet menjadi salah satu alat komunikasi yang paling penting. Dengan adanya internet, pelbagai bentuk media baharu yang juga dianggap sebagai media sosial muncul dengan pelbagai ciri dan cara penggunaan. Laman Web *Internet lives starts* (Dalam Akhbar Satar :2014), mencatatkan seramai tiga billion atau 40 peratus daripada penduduk dunia menggunakan internet. Di Malaysia, hampir 20 juta atau 67 peratus rakyat yang menggunakan internet. Selari dengan perkembangan tersebut, penggunaan rangkaian-rangkaian sosial turut memberi petunjuk yang sangat memberangsangkan. Hal ini terbukti apabila Laman Web *Internet lives starts* telah mencatatkan lebih daripada 15 juta orang mengakses *facebook* (Dalam Akhbar Satar, 2014). Media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *LinkedIn*, *blog*, *whatsApp* dan *instagram* digunakan secara meluas dan berpengaruh dalam kalangan pengguna sehingga sesiapa yang tidak memiliki dan menggunakan media sosial dikatakan ketinggalan zaman dan tidak mengikuti perkembangan teknologi semasa. Ciri-ciri baru media sosial seperti menyediakan ruangan berkomunikasi, membolehkan pengguna mengemas kini status, menghantar mesej dan menghasilkan avatar atau gambar animasi (Mohd Zaidi Mahmud & Bahiyah Omar, 2013) telah menjadikan media sosial ini semakin popular. Tambahan pula, media sosial boleh diakses di mana sahaja dengan menggunakan telefon bimbit. Komunikasi cara baharu seperti menggunakan media sosial telah mencetuskan gelombang perubahan dalam proses sosialisasi dan kehidupan masyarakat (Akhbar Satar, 2014). Pembangunan dan kemajuan teknologi dikatakan telah mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi. Daripada komunikasi bersemuka, bentuk komunikasi berubah kepada komunikasi berperantara terutama dengan pembangunan teknologi media baharu (Siti Ezaleila Mustafa, 2014). Namun apa jua bentuk komunikasi, bahasa masih menjadi medium utama dalam menyampaikan maklumat atau mengekspresi perasaan kepada orang lain.

*Facebook* yang diperkenalkan oleh Mark Zuckerberg pada tahun 2004 telah menjadi medium komunikasi baharu yang popular. Pemilik akaun *facebook* berupaya mengumpulkan ahli keluarga, rakan-rakan yang berkongsi latar dan minat yang sama, tidak kiralah pernah ditemui atau tidak berupaya membentuk suatu rangkaian sosial. Rangkaian sosial yang menggunakan alam maya ini akan menghubungkan antara satu dengan yang lain tanpa perlu bersemuka. Ruang status menjadi medan penyampaian dan perkongsian maklumat, pandangan dan perasaan. Pengguna *facebook* menjadikan ruang status sebagai satu ruang berkongsi maklumat atau minat yang sama atau berbeza. Pengkongsian

status maklumat merupakan satu cara pemberitahuan kepada rakan kumpulan tentang perasaan dan juga perkembangan apa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari seseorang pengguna. Aktiviti muat naik status dan kemas kini status menjadi amat popular dalam kalangan pengguna laman sosial *facebook* dengan tujuan untuk berkongsi apa jua yang dilakukan seperti lokasi, tempat makan atau apa jua sekalipun yang sedang dilakukan. Maka, kebanyakan aktiviti kemas kini status *facebook* bukan sahaja menyampaikan maklumat tetapi juga menggambarkan perasaan sebenar seseorang pengguna yang ingin berkongsi dan menjadikan ianya sebagai ruang luahan perasaan. Antara ungkapan yang dimuat naik dalam ruangan status *facebook* seperti adakah anda dalam keadaan mood riang, marah atau sedih. Bukan sahaja mood pengguna malah berbagai-bagi catatan yang diungkapkan melalui ruangan status pengguna *facebook* yang boleh dikemas kini oleh pengguna. Terdapat catatan tentang perasaan dan pengalaman diri sendiri, memberi komen akan sesuatu keadaan, peristiwa atau meminta pandangan tentang sesuatu keadaan atau peristiwa. Kesemua aktiviti ini digunakan untuk menunjukkan berbagai-bagi fungsi komunikatif (lakuan tutur) seperti sapaan, memberi komen, mencadangkan atau mengeluarkan amaran, larangan dan sebagainya. Maka aktiviti muat naik dan juga kemas kini status merupakan satu lakuan sosial (*social action*) yang menggunakan bahasa bagi melaksanakan sesuatu lakuan (Holtgraves 2002). Bahasa yang digunakan untuk mengungkap pelbagai emosi dan perasaan, memulakan perbahasan atau menghina seseorang merupakan lakuan tutur iaitu ujaran digunakan untuk melakukan sesuatu (Searle, 1969). Justeru, dengan memberikan tumpuan kepada *facebook*, kajian ini akan meneliti bentuk dan kategori lakuan bahasa yang disampaikan oleh pengguna media sosial melalui ruangan/aktiviti kemas kini status. Kajian ini akan menunjukkan ungkapan yang dimuat naik dalam ruangan status sebenarnya juga memberi gambaran tentang lakuan yang hendak ditunjukkan kepada pendengar (pembaca) yang akhirnya memberi kesan kepada pendengar dalam bentuk pemikiran atau perasaan. Ia bergantung kepada lakuan bahasa yang hendak disampaikan kepada pendengar.

## **KAJIAN BAHASA DALAM MEDIA SOSIAL**

Sehingga kini kajian tempatan mengenai media sosial telah banyak dilakukan mengikut berbagai-bagi perspektif seperti perspektif bahasa, perspektif media dan perspektif psikologi. Dari perspektif bahasa, kebanyakan pendebatan dan kajian mengenai media sosial menyentuh aspek kesantunan berbahasa, kualiti penggunaan bahasa dan peminggiran bahasa. Radiah Yusoff (2012) antara sarjana yang menyentuh status kesantunan dalam konteks perlakuan penutur berasaskan pola interaksi yang baharu, iaitu melalui alam siber atau internet. Beliau mengemukakan bukti literatur bahasa makian dalam interaksi internet yang berlaku antara penutur barat, dan juga bukti daripada analisis tentang interaksi antara penutur Melayu dalam sebuah laman web yang khusus dan demikian juga dengan persepsi pengguna internet berkenaan kesantunan

berbahasa dalam konteks tersebut.

Inderawati Zahid (2012) dalam makalah ‘Bahasa Melayu terpinggir dalam media baharu?’ mengutarakan isu keterpinggiran bahasa Melayu dalam media internet. Beliau menjelaskan bahawa keterpinggiran bahasa dalam media internet dapat diklasifikasikan kepada dua perkara iaitu kurangnya frekuensi penggunaan bahasa Melayu dan kualiti penggunaan bahasa Melayu yang amat rendah dengan wujudnya campur aduk bahasa asing, singkatan dan slanga menyebabkan terpinggirnya bahasa Melayu dalam media internet. Dengan demikian, beliau menegaskan pengguna bahasa mempunyai kuasa dalam menentukan kekerapan penggunaan dan kualiti bahasa Melayu dalam media internet. Zalilla Isa (2010, 2012) juga antara sarjana yang kerap memberi pandangan mengenai bahasa dalam media sosial. Beliau berpandangan, pengguna perlu bertanggungjawab dengan apa yang ditulis sama ada dari segi kandungan atau kualiti bahasa yang dihasilkan. Beliau turut menambah bahawa tulisan yang memenuhi ruang status akaun pengguna memberi bayangan dan persepsi yang pelbagai kepada pengguna yang lain. Hal ini terjadi kerana tulisan menjadi wahana yang menghubungkan pengguna dengan pengguna yang lain.

Sehingga kini, belum ada lagi kajian tempatan yang meneliti aspek lakuan bahasa yang digunakan dalam kalangan pengguna media sosial. Walau bagaimanapun, kajian-kajian luar negara telah ada membincangkan aspek lakuan tutur pengguna media sosial khususnya *facebook*. Misalnya, Carr et al (2012) yang menggunakan analisis kandungan terhadap 204 status mesej selama 14 hari berturut-turut mendapat kebanyakan status mesej ialah ekspresif dan diikuti oleh asertif. Scott et al. (2013) dalam kajian yang sama mendapat taburan lakuan bahasa berikut: 19% asertif, 76% ekspresif, 3% direktif, 1.3% komisif dan 0.007% deklaratif. Begitu juga Ilyas, S dan Khushi, Q (2012) yang telah menjalankan kajian ke atas pengguna *facebook* di Pakistan. Mereka yang mengambil sampel seramai 60 lelaki dan perempuan telah meneliti fungsi komunikasi bagi pengemaskinian status dalam *facebook*. Hasil kajian mereka juga menyerlahkan bahawa lakuan tutur ekspresif amat kerap ditunjukkan dalam penyampaian status diikuti dengan lakuan bahasa asertif dan direktif. Kajian mereka juga mendapat berbagai-bagai pola sosialisasi muncul ketika perkongsian perasaan, maklumat dan idea dalam *facebook*. Kajian mereka terhadap aktiviti kemas kini status menunjukkan pengguna menggunakan bahasa untuk berbagai-bagai eksresi bahkan ia bukan sahaja bertujuan untuk menggambarkan eksresi diri sendiri tetapi turut menjelaskan identiti mereka.

Kajian mengenai lakuan bahasa dalam media sosial turut dikaitkan dengan personaliti penggunanya. Thorne (1987 dalam Scott et al. 2013) telah menunjukkan pola lakuan bahasa dapat dikaitkan dengan perbezaan konfigurasi individu yang menggambarkan ciri personaliti *extrovert* atau *introvert*. Menurut beliau, ciri personaliti *ekstrovert* ialah seorang yang menyenangkan, mencari kesamaan, menghargai dan bersetuju dengan *ekstrovert* berbanding dengan personaliti *introvert*. Scott et al. (2013) juga menggunakan pengekodan lakuan

bahasa melalui status kemas kini *facebook* untuk menentukan cirri personaliti. Mereka menggunakan analisis regresi untuk mengenal pasti hubungan signifikan antara dimensi personaliti menggunakan 5 inventori personaliti iaitu jujur, bimbang, menyenangkan, peramah dan terbuka dengan pelabelan lakuhan tutur. Mereka turut mendapati lakuhan bahasa tertentu boleh dikaitkan dengan ciri personaliti tertentu.

Penelitian terhadap bahasa dalam media sosial khususnya *facebook* telah diteliti daripada pelbagai perspektif. *Facebook* yang merupakan alat komunikasi baharu juga berperanan sama seperti alat komunikasi yang telah wujud sebelum ini seperti telefon, surat dan sebagainya. Sebagai medium komunikasi, rangkaian sosial dalam setiap akaun pengguna *facebook* boleh dianggap sebagai satu komuniti yang terdiri daripada pelbagai lapisan sosial. *Facebook* yang popular sehingga kini juga menyaksikan munculnya penggunaan bahasa yang pelbagai bentuk dan struktur serta slanga-slanga baharu yang tidak pernah terlintas dalam fikiran kita sebagai pengguna bahasa. Namun bentuk komunikasi baharu yang tidak perlu bersemuka, masih berperanan utama sebagai medium penyampaian maklumat dan ruang meluahkan perasaan.

## METODOLOGI

Dalam media sosial, menghantar atau memuat naik dan pengemaskinian status aktiviti harian dianggap sebagai rutin oleh individu untuk berkomunikasi dengan jaringan sosial mereka. Ruang status dianggap sebagai jurnal personal yang mana individu itu merakamkan apa sahaja aktiviti dan pengalaman yang berlaku kepada mereka dan persekitaran mereka pada setiap hari (Awl, 2011). Dalam berbuat demikian, individu/pengguna menggunakan berbagai-bagai jenis lakuhan bahasa. Lakuhan bahasa merujuk kepada ujaran yang menyampaikan sesuatu tindakan (Searle, 1969) seperti mengarah, merayu, mengucap selamat dan sebagainya.

Sehubungan itu, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Krippendorff (2004), "*Content analysis is a formal methodology to study a collection of media*". Dalam kajian ini, media yang diteliti ialah *facebook*. Kaedah ini melakukan penelitian terhadap teks untuk menghuraikan cir-ciri tertentu seperti penggunaan bahasa. Dalam konteks ini, penelitian kandungan media dapat membantu memahami apa dan kenapa bagi sesuatu medium komunikasi. Maka dalam kajian ini, ‘medium’ yang akan diteliti adalah *posting status* yang telah dimuat naik oleh pengguna dalam *facebook*. Sebanyak 4 individu yang mempunyai akaun *facebook* dijadikan informan untuk mengumpul data yang melibatkan rangkaian sosial masing-masing. Persampelan data diambil daripada 4 kali penelitian iaitu 1 April 2015, 10 April 2015, 21 April 2015 dan 27 April 2015. Persampelan ialah kaedah yang mengambil sebahagian daripada dokumen untuk diteliti. Melalui kemas kini/*posting status*, pengguna mencapai berbagai-bagai fungsi komunikasi yang disampaikan melalui cara jenaka, petikan atau puisi. Data yang dikumpul akan dikategorikan mengikut katagori lakuhan tutur

Searle (1969) iaitu asetif, komisif, deklaratif, direktif dan ekspresif.

## LAKUAN TUTUR (SEARLE 1969)

Mengujarkan sesuatu sama ada secara lisan atau bertulis adalah merupakan suatu perlakuan. Dengan perkataan lain, penutur tidak hanya menghasilkan ujaran tetapi juga mempersempahkan satu lakuan melalui ujaran. Dalam pragmatik, hal ini disebut sebagai “*Speech Acts*” (lakuan tutur). Pandangan ini telah dicetuskan oleh ahli falsafah British, John Austin (1962) dalam bukunya *How to Do Things with Words* (Dalam Huang, 2007). Berdasarkan pandangan Austin, ujaran boleh digunakan untuk melakukan sesuatu. Kita boleh menggunakan bahasa untuk berjanji, bertaruh, memberi amaran, bersumpah, mengucap tahniah dan sebagainya. Teori lakuan tuturan dapat menerangkan bagaimana lakuan ini boleh dilaksanakan. Sebagai contoh jika kita berkata kepada seseorang yang ingin meninggalkan bilik kita *Tolong tutup pintu*, kita bukan sahaja menyatakan sesuatu tetapi kita sedang membuat permintaan. Begitu juga jika kita berkata kepada ketua kita, *Saya akan datang pada hujung minggu untuk menyiapkan projek ini*, kita tidak hanya menyatakan sesuatu tetapi kita sedang membuat janji. Begitu juga dengan menyatakan *Ada ular dalam semak*, kita bukan hanya menyatakan sesuatu tetapi kita sedang memberi amaran kepada seseorang. Daripada contoh-contoh ujaran ini, kita boleh menunjukkan bahawa ujaran yang dikawal oleh struktur tatabahasa juga mempamerkan lakuan yang ingin disampaikan kepada pendengar ketika menyampaikan sesuatu komunikasi.

Austin mendakwa bahawa sebagai tambahan kepada makna, ujaran juga menyampaikan lakuan yang khusus melalui tindakan komunikatif yang khusus (Huang, 2007). Beliau juga memperkenalkan tiga jenis lakuan berbeza yang berlaku serentak ketika seseorang mengujarkan sesuatu iaitu, lakuan lokusyenari (penghasilan ekspreksi linguistik yang bermakna), lakuan illokusyenari (lakuan yang dihajati untuk ditunjukkan oleh penutur ketika dia mengujarkan ekspreksi linguistik itu, disebabkan oleh kelaziman/amalan yang dikaitkan dengannya sama ada secara eksplisit atau implisit) dan lakuan perlokusyenari (kesan atau akibat kepada pendengar semasa pengajaran ekspreksi linguistik itu).

Lakuan illokusyenari merujuk kepada fungsi yang dihajati oleh penutur untuk dilaksanakan atau jenis lakuan yang dihajati penutur untuk disempurnakan semasa dia mengujarkan ujaran itu. Contoh lakuan illokusyenari ialah menuduh, minta maaf, menyalahkan, mengucap tahniah, memberi kebenaran, bergurau, mengugut, menamakan, berjanji, mengarah, menolak, menyumpah dan mengucap terima kasih. Fungsi atau lakuan di atas juga dipanggil sebagai tindakan illokusyenari atau titik ujaran (*point of utterance*). Tindakan illokusyenari dirujuk oleh Searle (1969) sebagai *illocutionary force indicating device (IFID)* iaitu Alat menunjukkan tindakan illokusyenari.

Secara khusus, perlokusyenari ialah lakuan di mana illokusyenari menghasilkan kesan tertentu atau pengaruh tertentu kepada pendengar atau lakuan perlokusyenari menggambarkan kesan melalui penghasilan pertuturan

sama ada sengaja atau tidak. Dengan kata lain, lakuan ini adalah lakuan yang ditunjukkan melalui pertuturan. Sebagai contoh, dalam tahanan perompak bank, perompak mungkin mengujarkan “pistol ini penuh dengan peluru” supaya pekerja menyerahkan wang dalam laci kaunternya. Kesan daripada lakuan yang ditunjukkan melalui pertuturan juga dikenali sebagai kesan perlokusyenari.

Di bawah taksonomi Searle (1969), lakuan tutur dikelompokkan kepada lima jenis lakuan tutur iaitu representatif (atau asertif), direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif (Huang, 2007). Representatif (atau asertif; juga dikenali sebagai konstatif dalam istilah asal aliran Austin bagi dikotomi performatif/konstatif) merupakan ujaran yang digunakan untuk menghuraikan bentuk hubungan (*state of affairs*). Sebagai contoh ujaran, *kanak-kanak berlari di padang* atau *Rambut saya berwarna hitam*. Kelas ini termasuklah lakuan menyimpulkan, menyatakan, menegas, bersumpah, mengadu, menafikan, mengaku dan sebagainya.

Direktif merupakan ujaran yang digunakan untuk mencuba dengan darjah yang berbeza membuat si pendengar melakukan sesuatu. Sebagai contoh ujaran, *Jangan guna komputer saya, turn the TV down* dan *tolong hulurkan pen tu*. Kelas ini termasuklah lakuan menasihat, meminta, mengarah, melarang, mencadangkan, mendesak, mengesyorkan dan sebagainya.

Komisif merupakan ujaran yang mempertanggungjawabkan penutur dalam darjah yang berbeza untuk melakukan sesuatu aksi pada masa akan datang. Contoh, *Saya akan kembali dalam masa 5 minit, kami akan melancarkan apartmen baru dalam internet, I'll never buy you another computer game*. Kelas ini termasuklah lakuan berjanji, sumpah, akad, jaminan, berikrar dan sebagainya.

Ekspresif merupakan ujaran yang digunakan untuk mengungkapkan keadaan emosi si penutur. Sebagai contoh, *syabas, Ali!, I'm so happy, wow, hebatnya*. Kelas ini termasuklah lakuan memohon maaf, mengucap terima kasih, mengucap tahniah, mengucapkan takziah, mengucap selamat datang, membuat bantahan dan sebagainya.

Deklaratif pula merupakan ujaran yang digunakan untuk mengubah status sesuatu entiti. Sebagai contoh, *Presiden: Saya mengisyitharkan darurat, pengerusi: mesyuarat kita ditamatkan, juri: kami mendapati defendant tidak bersalah*. Kelas ini termasuklah lakuan perlantikan, menamakan, meletak jawatan, menyerah (kalah), mengisyitharkan dan sebagainya.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada aspek lakuan tutur yang diperoleh daripada ruangan/aktiviti kemas kini status dalam kalangan pengguna *facebook*. Sebanyak 4 individu yang mempunyai akaun *facebook* dijadikan informan dan tempoh masa data dikumpul adalah sebanyak 4 kali iaitu 1 April 2015, 10 April 2015, 21 April 2015 dan 27 April 2015. Daripada tempoh itu, sebanyak 295 status berjaya dikumpul. Penyampaian status oleh pengguna *facebook* adalah berbagai-bagai. Ada yang menyampaikan dalam bentuk jenaka, puisi atau melalui petikan. Berikut merupakan contoh yang disampaikan dalam bentuk jenaka, petikan dan

bahasa berkias.

### **Status dalam bentuk jenaka**

*Baru nk topup hp..X jd la..Dah la balance ada 30 hengget je..  
Lepas ni kita semua pakai walkie talkie la geng..Hahaha..!!*

### **Status dalam bentuk petikan**

*Terangan dri seorang ustaz saya berkaitan gambar2 anjing or sbgnya.*

*“Muslim yg berilmu tak akan allergic dgn anjing tanpa sebab2 yg syarie. Betul dalam Islam ada hukum-hakam ttg anjing, tapi ia hanya sbg binatang yg najis, bukan yg berdosa atau jahat.*

*Ia juga makhluk Allah, yg dimuliakan dlm kisah AshabulKahfi dlm al-Quran. Dan bukankah kita diajar ttg ‘anjing-anjing’ Allah dlm qunut nazilah ?”*

### **Status dalam bahasa berkias**

*Di mana bumi dipijak Di situ langit dijunjung  
Biar kaya budi dan adat Pasti kita akan disanjung  
Hancur badan dikandung tanah Budi baik dikenang juga Berkawan  
biar beribu Berkasih biarlah satu (Pantun lama)*

Berikut ialah contoh-contoh status yang ditemui dalam kajian ini.

- i. *Selamat hari lahir mak mi. Semoga dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki dan dipermudahkan segala urusan insyaAllah \_*
- ii. *Hb ayong moga sihat selalu dah diberkati hidup di dunia dan akhirat \_*
- iii. *Jom balik kampung mlm ni...esok mlm naik bas balik kl pula.....-*
- iv. *Kasih sayang ibu ayah kepada anakanda tercinta- melawat anak bujang yang merantau di selatan tanahair.*
- v. *Asalamualaikum semua..  
Selamat Pagi, ....Good Morning Kuala Lumpur*
- vi. *Alhamdulillah. Terima kasih atas hari2 yg sgt menggembirakan.  
Memang lupakan ukm kejap, tak boleh pun nak cakap pasal segala  
pasal segala nbagai task dan esaimen langsung. hehe. InsyAllah, kawan  
samapi bila2 ya. Barakallahulakum \_*

Kesemua contoh di atas menunjukkan berbagai-bagai bentuk fungsi komunikasi yang disampaikan kepada kenalan *facebook* mereka yang menggambarkan fungsi sapaan, luahan perasaan pengguna, ajakan dan penyataan akan sesuatu keadaan atau situasi. Bahagian berikut akan diperlihatkan pengkategorian setiap satu fungsi komunikasi yang berdasarkan lakuan tutur oleh Searle (1969).

## LAKUAN TUTUR REPRESENTATIF /ASERTIF

Lakuantuturrepresentatifadalahjenislakuantuturyangmempertanggungjawabkan penutur dengan kebenaran bagi proposisi yang diungkapkan, dan lakuan ini membawa nilai-benar terhadap ungkapan tersebut (Huang, 2007). Dalam kajian ini, lakuan tutur representatif merupakan fungsi sosial yang paling kerap diungkapkan oleh pengguna *facebook* iaitu sebanyak 41.36%. Antara tema lakuan tutur yang diungkapkan dalam ruangan status *facebook* ialah menegaskan sesuatu, mendakwa sesuatu, menyimpulkan sesuatu, melaporkan sesuatu dan menyatakan sesuatu. Contoh-contoh di bawah ialah ungkapan-ungkapan status dalam kategori representatif yang ditemui dalam kajian.

- i. *Pegang duit sendiri dari keringat sendiri lebih nikmat berbanding bergantung harap dengan orang sekeliling....*
- ii. *Seberat apapun beban masalah yang kau hadapi saat ini, percayalah bahawa semua itu tak pernah melebihi batas kemampuan mu*
- iii. *katanya ini tempat shooping paling best kat london utk org perempuan.. nasib baik yg pegi semua lelaki..selamat poket.*
- iv. *Nah kalau korg nak tahu ni la makanan favourite aku.. forever.. hakhakhak..*
- v. *Kadang-kadang kita ingat semua orang suka kita. Sebenarnya, tipu je tu semua. Ramai je yang menyampah dengan kita...*

## LAKUAN BAHASA EKSPRESIF

Lakuan tutur ekspresif mengungkapkan perasaan atau keadaan psikologi penutur. Lakuan ini boleh merupakan penyataan rasa gembira, sedih, duka, seronok dan komplen. Sebanyak 21.69 % status termasuk dalam kategori ini yang menunjukkan berbagai-bagai bentuk ungkapan dalam melahirkan emosi seperti kesyukuran, sayang, marah dan pujian.

- i. *Alhamdulillah. Dapat gak sambung Master sama2 my twin dekat UM this September. Syukur sgt2. This is for my mama and abah yg keep on supporting us!!!*
- ii. *We are done ! Terima kasih penasihat, Terima kasih AJK Pelaksana, Terima kasih ahli panel, Terima kasih peserta yang hadir hari ini .. maaf atas segala kekurangan dan kekhilafan ..*
- iii. *Hai SAYANG. aKuewww merinduiimu setengah matikkk!*
- iv. *Myvi hitam! Ptg2 dh buat aku panas hati.konk parking kt mana sebenarnya hah?????? Mng baghal sungguh la..grrr*
- v. *masha Allah...sedap bacaannya..tak banyak burdah pun tapi sejuk telinga dengan*

## LAKUAN BAHASA DIREKTIF

Kategori lakuan ini menggambarkan keinginan dan harapan penutur agar pendengar melakukan sesuatu. Tema status yang termasuk dalam kategori ini ialah nasihat, perintah, soalan, cadangan dan permintaan. Sebanyak 16.95 % status termasuk dalam kategori ini. Antara contoh status yang membawa fungsi komunikasi direktif seperti yang berikut;

- i. *Join seminar..seminar pelaksanaan hudud di Malaysia: sejarah dan pelaksanaannya.. insyaallah akan menjadi realiti..*
- ii. *Semoga Kak Ana terus kuat dan bangun seperti selalu. ramai tunggu Kak Ana ni. Keep strong, sis. Semoga Allah permudahkan segalanya. Aminnn.*
- iii. *Jom balik kampung mlm ni...esok mlm naik bas balik kl pula.....*
- iv. *Semoga dalam keadaan sekarang kite byk bersabar dan berdoa moga dibukakan jalan oleh Allah..berdoalahkpd Allah memohon jalan kluar dr masalah ini..doa orang ygtrtindas itu dekat dgn Allah swt*
- v. *Semoga Tgha terus tabah di dalam perjuangannya. Terus bersabar dan kekal di dalam perjuangan. Moga beroleh kejayaan.*

## LAKUAN TUTUR GABUNGAN

Lakuan tutur gabungan bermaksud dalam sesuatu status yang dihantar mempunyai beberapa kategori lakuan tutur. Sebanyak 20% status yang menggabungkan beberapa lakuan tutur. Antara bentuk gabungan lakuan tutur yang kerap ditemui ialah lakuan tutur ekspresif dan direktif. Data di bawah menunjukkan kategori-kategori lakuan tutur yang bergabung dalam satu status.

- a. *Semoga Allah permudahkan segalanya yg terbaik untuk kami semua.. amiiin*  
*Alhamdulillah sudah bergelar darah manis..semoga berkekalan kemanisan itu smpai ke akad nikah dan sesudah nikah..doakan ya*

Status di atas mengandungi dua kategori lakuan tutur iaitu lakuan tutur direktif dan lakuan tutur ekspresif.

- i. *Semoga Allah permudahkan segalanya yg terbaik untuk kami semua.. amiin- lakuan tutur direktif*
  - ii. *Alhamdulillah sudah bergelar darah manis..- lakuan tutur ekspresif*
  - iii. *semoga berkekalan kemanisan itu smpai ke akad nikah dan sesudah nikah..doakan ya -lakuan tutur direktif*
- b. *X harap pon Mama bui hadiah ko aku, tp aku janji balik ni aku bui hadiah ko Mama dgn segulung Sijil. In Shaa Allah.*

Status di atas mengandungi dua kategori lakuan tutur iaitu lakuan tutur

representatif dan lakuan tutur komisif.

- i. *X harap pon Mama bui hadiah ko aku- lakuan tutur representatif*
- i. *tp aku janji balik ni aku bui hadiah ko Mama dgn segulung Sijil. In Shaa Allah.- Lakuan bahasa komisif*
- c. Kes kecurian yang berlaku di k16b KRK pada 6:30pm 1 April, wallet pelajar bilik tersebut hilang. Sesiape ada maklumat lanjutan sila berikan pada mana-mana MEP KRK atau MPP KRK. Bersama-sama kita doakan pemuda ini insaf. Warga UKM lebih berhati-hati.

Status (c) mengandungi gabungan lakuan tutur representatif dan lakuan tutur direktif.

- i. *Kes kecurian yang berlaku di k16b KRK pada 6:30pm 1 April, wallet pelajar bilik tersebut hilang- lakuan bahasa representatif*
- ii. *Sesiapa ada maklumat lanjutan sila berikan pada mana-mana MEP KRK atau MPP KRK.- lakuan tutur direktif*
- iii. *Bersama-sama kita doakan pemuda ini insaf.- lakuan tutur direktif*
- iv. *Warga UKM lebih berhati-hati.- lakuan tutur direktif*
- d. *alhamdulillah smpai jgk akhrnya ke walimah shbt kami .. tahniah Muhammad Akmal Yaacob dan zaujah... mga jdoh bpjgn ke syurga Allah... ciri2 kebapaan dh nmpak dh tu ...jga istri baik2.. mcm xsgka khwin dh kawan kite ni.. tggal kami yg msh melalui zaman” remaja”*

Status (d) di atas pula mengandungi urutan lakuan tutur ekspresif, direktif dan representatif .

- i. *alhamdulillah smpai jgk akhrnya ke walimah shbt kami .. tahniah Muhammad Akmal Yaacob dan zaujah...- lakuan bahasa ekspresif*
- ii. *mga jdoh bpjgn ke syurga Allah- lakuan bahasa direktif*
- iii. *ciri2 kebapaan dh nmpak dh tu- lakuan bahasa representatif*
- iv. *jga istri baik2.. - lakuan bahasa direktif*
- v. *mcm x sgka khwin dh kawan kite ni.. tggal kami yg msh melalui zaman” remaja” – Lakuan bahasa representatif*

Berdasarkan analisis, kajian ini hanya menemui 3 kategori lakuan tutur dalam status yang dimuat naik oleh pengguna *facebook*, iaitu lakuan tutur representatif, ekspresif dan direktif. Kajian ini mendapati status yang membawa fungsi lakuan bahasa representatif lebih tinggi kekerapannya berbanding dengan lakuan tutur ekspresif dan direktif. Dengan demikian, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian-kajian Ilyas, S dan Khushi, Q (2012) dan Scott et al (2013) yang mendapati lakuan bahasa ekspresif lebih kerap diungkapkan dalam ruangan status. Dapatan kajian ini menunjukkan kategori gabungan antara ungkapan status yang sering diungkapkan oleh pengguna *facebook*. Gabungan pola lakuan tutur menyumbang sebanyak 20% daripada keseluruhan data status. Kebanyakan pengguna akan menggabungkan satu kategori lakuan tutur dan diikuti dengan lakuan tutur yang

lain. Lazimnya lakuan tutur ekspresif seperti ucap takniah dan syukur dan diikuti dengan pernyataan atau direktif ucap selamat. Bentuk gabungan ini menjelaskan mengapa kandungan ekspresif sebagai kategori tunggal lakuan tutur kurang kerap ditemui dalam kajian ini berbanding dengan dapatan Ilyas, S dan Khushi, Q (2012) dan Scott et al. (2013).

## PERBINCANGAN

Berkomunikasi secara lisan dan tulisan tidak sahaja bertujuan menyampaikan maklumat tetapi juga berperanan sebagai medium pengungkapan idea dan perasaan kepada orang lain. Dalam ruangan status *facebook*, tulisan dianggap mewakili penutur untuk menyampaikan perasaan, maklumat dan idea yang ingin diberitahu atau dikongsi dengan kenalan mereka. Tulisan yang memenuhi ruang status akaun pengguna memberi bayangan dan persepsi yang pelbagai daripada pengguna yang lain. Hal ini terjadi kerana hanya tulisan menjadi wahana yang menghubungkan pengguna dengan pengguna yang lain (Zalila Isa, 2012). Kajian ini mendapati, ada tiga jenis perkara yang ditulis dan dihantar sebagai status kepada rangkaian sosial mereka iaitu penyampaian maklumat sesuatu, ucap selamat dan luahan perasaan. Penyampaian maklumat merupakan lakuan representatif, ucap selamat merupakan lakuan direktif dan luahan perasaan merupakan lakuan ekspresif. Daripada ketiga-tiga perkara yang dilontarkan dalam ruang status, pengkongsian maklumat dalam bentuk berita dan pemberitahuan sesuatu perkara (lokasi, makanan dan peristiwa) adalah paling kerap dihantar atau dimuat naik oleh pengguna *facebook*. Setiap lakuan yang disampaikan melalui status mempunyai fungsi yang hendak disampaikan. Fungsi lakuan tutur dalam kajian ini antaranya sebagai saluran pemberitahuan, perkongsian, kesyukuran, penghargaan dan peringatan.

## FUNGSI REPRESENTATIF

Dalam kajian ini, pengguna *facebook* menggunakan ruangan status untuk menghantar status kepada rangkaian sosial mereka. Ungkapan berbentuk pemberitahuan dan penyampaian maklumat merupakan lakuan tutur representatif. Lakuan ini mempertanggungjawabkan penutur akan kebenaran proposisi yang diungkapkan. Kajian ini mendapati status yang disampaikan dalam bentuk lakuan representatif adalah berfungsi sebagai pemberitahuan, perkhabaran dan perkongsian sesuatu maklumat dengan rangkaian kenalan pengguna *facebook*. Misalnya status yang dihantar *MI tarik masakan Cina Muslim di KL Central. Sedap dan sihat* adalah status memberitahu dan ingin berkongsi maklumat kepada rakan dan kenalan mereka tentang tarikan dan uniknya sejenis masakan yang terdapat di lokasi tersebut. Manakala status *Workshop at Senai, Johor* adalah ungkapan pernyataan yang memberitahu lokasi dan apa yang dilakukan oleh individu tersebut yang ingin dimaklumkan kepada kenalan *facebook* mereka.

## EKSPRESIF

Dalam kajian ini, didapati lakuhan bahasa ekspresif adalah kedua kerap diungkapkan oleh pengguna *facebook*. Ekspresif ialah lakuhan yang memperlihatkan luahan perasaan pengguna *facebook*. Kajian ini mendapati status ekspresif yang dihantar atau dimuat naik dalam ruang status yang berfungsi sebagai menandakan rasa syukur memperoleh sesuatu atau mencapai kejayaan tertentu. Ekspresi kesyukuran biasanya dimulakan dalam bahasa Arab seperti *Alhamdulillah* atau *syukur Alhamdulillah* dan kemudian diikuti dengan maklumat kejayaan yang dicapai sebagaimana status berikut;

- a. *Alhamdulillah. Dapat gak sambung Master sama2 my twin dekat UM this September. Syukur sgt2. This is for my mama and abah yg keep on supporting us!!!*
- ii. *Alhamdulillah. Terima Kasih atas sokongan. ZK kini 500k*

Ungkapan *Alhamdulillah* menandakan rasa syukur yang menandakan rasa rendah diri mereka kepada yang maha Esa kerana memberikan kejayaan kepada mereka, ahli keluarga dan kenalan mereka. Melalui ruangan status, pengguna meluahkan perasaan bangga dan syukur mereka yang terbuka untuk dikongsi bersama ahli keluarga dan rangkaian sosial mereka. Status-status tersebut merupakan status yang menunjukkan pengguna mengungkapkan rasa syukur dan penghargaan mereka atas kejayaan mendapat sesuatu.

Manakala, luahan penghargaan seperti *tahniah* dan *syabas* ditujukan kepada orang lain yang mendapat sesuatu kebaikan dan kejayaan seperti menerima menantu, mendapat kerja, kenaikan pangkat dan mencapai kejayaan atau meraikan kemenangan sebagaimana ditunjukkan dalam contoh di bawah.

- a. *tahniah....kegembiraan berganda...syukur alhamdulillah...semoga baki dua semester lagi dapatkekalkan dean list... tangisan dan dugaan sem lalu dibalas dengan rahmat terbesar oleh-Nya.... teruskan usaha diiringi solat dan doa... jadi contoh adik2 dan jadi anak solehah...luv u...*
- b. *Tahniah buat junior Detachment 88H KKM UKM diatas usaha semua, hasilnya Alhamdullilah ada mendapat kemenangan. Harap semua ini akan menjadi memori dan pengalaman untuk diceritakan pada junior yang akan datang. From batch 2012 to back 2015 all of you are the great BSMM. Thanks make my last moment in UKM ended with a glory for us. Alhamdulillah.*
- c. *Tahniah mendapat menantu. Majlis indah, makanan enak, dan mini reunion dengan kehadiran rakan- rakan seuniversiti.*
- d. *Perkhidmatan Bank Islam KL Setral memang superb dan terbaik. Syabas kepada pengurusan Bank Islam. Layanan yang baik dan mesra ini perlu dikekalkan.*
- e. *Tahniah Bank Islam.*

Luahan penghargaan seperti *tahniah* dan *syabas* ialah ucapan selamat

yang mempunyai maksud memuji. Ungkapan penghargaan ini diberikan bagi menunjukkan sokongan dan penghargaan seseorang itu atas pencapaian, kejayaan dan rasa puas hati dengan perkhidmatan yang telah diterima oleh individu itu.

## DIREKTIF

Lakuan direktif ialah lakuan untuk mendapatkan pendengar melakukan sesuatu. Status seperti Kepada sesiapa anak perak terutamanya nak boleh bola tampar (lelaki) untuk karnival sukan anak negeri pada Sabtu ni. Sila bagi nama ye? ialah antara kategori status yang berperanan sebagai lakuan direktif kategori permintaan. Kategori ini merupakan cubaan penutur untuk mendapatkan pendengar melakukan sesuatu tindakan yang dihajatkan iaitu memerlukan seseorang itu bertindak atas permintaan yang dikehendaki (memberi nama). Dengan rangkaian sosial yang ramai, ruang status merupakan medium yang paling mudah untuk mendapat maklum balas daripada kenalan mereka.

Namun, dalam kajian ini menemui tiga kategori direktif yang tidak memerlukan tindakan daripada pendengar atau pembaca status tersebut. Lakuan yang dimaksudkan ialah lakuan direktif kategori ucap selamat, nasihat dan lakuan direktif soalan (permintaan untuk mendapatkan maklumat). Ekspresi ucap selamat adalah seperti *semoga cepat sembah, semoga berjaya, semoga terus berbakti, selamat menyambut hari pelaksanaan gst* atau *selamat hari GST*. Mengikut Blakemoore (1992), ucap selamat ialah kategori direktif yang bukan di bawah kawalan pendengar. Dengan demikian, ujaran ini tidak memerlukan jawapan daripada pendengar. Dalam kes ini, *Ucap selamat* berbeza daripada lakuan *meminta, memerintah* dan *merayu* iaitu lakuan direktif yang memerlukan pendengar melakukan sesuatu kepada penutur. Perbezaan antara ucap selamat dan lakuan *meminta, memerintah* dan *merayu* ialah fakta di mana pendengar mempunyai bukti bahawa penutur percaya pertama, penutur dan pendengar tidak dalam posisi untuk melakukan *state of affairs* yang diterangkan itu dan kedua, *state of affairs* ini memberi manfaat kepada pendengar. Jadi, tidak ada sebab mengapa kita harus menganalisis ujaran penutur sebagai arahan bagi melakukan sesuatu.

Lakuan direktif kategori nasihat ialah kategori direktif yang memberi peringatan atau petunjuk yang baik kepada kenalan mereka dalam *facebook*. Status-status di bawah dianggap sebagai kategori nasihat yang memberi peringatan kepada rangkaian sosial mereka.

- a. *kawan2 Adam jaga solat hari ini mana kita tahu besok mati,*
- b. *Ada ilmu yang banyak tapi somborg tidak ada gunanya. Buat ibadah banyak tapi takabbur pun tiada gunanya. Lihat apa jadi kepada iblis hari ini. Dulu dia yang paling alim di kalangan para malaikat dan paling banyak ibadahnya. Namun dek kerana somborg dan takabbur, Allah melaknatnya sehingga hari kiamat !*
- c. *Kawan2 adam jaga solat hari ini mana kita tahu besok mati,,*

- d. *Ingtlah wahai teman2...*
- e. *Disebalik kepahitan ada kemanisannya tersendiri...*  
*Terus melangkah walaupn kadangkala ditemani deraian air mata yg x  
sudah...*  
*Kuncinya SABAR!!!*  
*Kerana SABAR itu indah!!!*

Lakuan nasihat juga tidak boleh dianggap sebagai meminta pendengar melakukan lakuan tersebut. Hal ini kerana penutur (dalam konteks ini, pengguna yang menghantar status) hanya mengesyorkan atau mengusulkan tanpa paksaan kepada kenalan mereka malah mereka tidak mengetahui atau tidak mempedulikan sama ada pembaca akan melakukan atau mengikuti lakuan itu. Memandangkan lakuan ini bersifat nasihat yang terbuka, maka ada kalanya pengguna *facebook* menggunakan kata ganti nama ‘kita’ iaitu ganti nama diri pertama inklusif yang menunjukkan pemilik akaun itu juga memperingati dirinya dan orang lain akan sesuatu perkara, misalnya status berikut; *Semoga dalam keadaan sekarang kite byk bersabar dan berdoa moga dibukakan jalan oleh Allah..berdoalah kpd Allah memohon jalan kluar dr masalah ini..doa orang yg trtindas itu dekat dgn Allah swt.*

Lakuan direktif soalan adalah lakuan yang mengharapkan pendengar memberi maklumat terhadap soalan itu. Sebagaimana dengan direktif nasihat, direktif soalan juga tidak memerlukan tindakan daripada pendengar untuk memberi jawapan terhadap soalan yang diberikan. Contoh berikut ialah antara contoh yang menunjukkan direktif soalan yang tidak berhajatkan jawapan atau maklumat daripada pembaca.

*Wahai Jodoh...awk kat mna??sihat tak??ape2 pon jaga hati,jaga  
mata yg paling penting jaga iman.....in shaaallah jika allah  
mengizinkan kita akan jmpa...*

Soalan di atas dianggap soalan terbuka. Dalam status di atas, penutur tidak memerlukan jawapan daripada pendengar tetapi status yang berbentuk soalan itu dijawab sendiri oleh pemilik akaun tersebut sebagaimana dinyatakan pada ayat berikutnya “ape2 pon jaga hati,jaga mata yg paling penting jaga iman..... in shaaallah jika allah mengizinkan kita akan jmpa...”. Status ini dianggap sebagai ayat direktif soalan terhadap diri sendiri yang merupakan peringatan untuk dirinya yang tidak memerlukan tindakan atau respon daripada orang lain. Namun status ini dimuat naik untuk dijadikan teguran dan peringatan kepada orang lain yang membaca status tersebut.

## KESIMPULAN

*Facebook* ialah medium komunikasi baharu yang sangat popular sehingga kini. Rangkaian sosial yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dianggap sebagai komuniti kecil yang mengikat satu sama lain dalam ruang

status. Penghantaran dan pengemaskinian status bukan hanya memberitahu dan menyatakan apa yang dilakukan, peristiwa yang berlaku, apa yang dimakan atau dimana individu atau sekumpulan itu berada. Namun disebalik aktiviti ini, status juga mempunyai fungsi komunikasi seperti menegur, memberi komen, mencadangkan, mengeluarkan amaran, larangan, nasihat dan sebagainya. Ruang status dianggap sebagai ruang perkongsian maklumat dan juga ruang perkongsian emosi pengguna. Dalam ruang status *facebook*, setiap pengguna bebas menulis apa sahaja yang terfikir ingin disampaikan kepada rangkaian sosial mereka. Maka dalam setiap ungkapan status, bukan sekadar struktur bahasa yang diperlihatkan namun disebalik struktur ini ada suatu tindakan atau lakuan yang sedang dipersembahkan kepada rangkaian sosial mereka. Lakuan dan tindakan ini kemudian akan diterima dan difahami oleh rangkaian sosial pemilik *facebook*. Kesan ini nanti akan mendapat respon atau komen daripada pengguna yang lain.

## **BIODATA PENULIS**

**Maslida Yusof** ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah semantik dan pragmatik. ([maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my))

**Karim Harun** ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah leksikografi dan psikolinguistik. ([linguist@ukm.edu.my](mailto:linguist@ukm.edu.my))

## RUJUKAN

- Akhbar Satar. (2014). Menjaga integriti penggunaan media sosial. *Berita Harian*. 2 April 2015.
- Awl, D. (2011). *Facebook me: A guide to socializing and promoting on Facebook*. California: Peachpit Press.
- Blakemore, D. (1992). *Understanding utterances*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Che Su Binti Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*, 30(Special Issue), 43-74
- Carr, C.T., Schrock, D.B., & Dauterman, P. (2012). Speech acts within facebook status messages. *Journal of Psychology*. 31: 178-196
- Holtgraves, T.M. (2002). *Language as social action: social psychology and language use*. New Jersey, London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Huang, Y. (2007). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Indirawati zahid. (2012). Bahasa Melayu terpinggir dalam media baharu? *Dewan Bahasa* (6): 6-10.
- Krippendorff,K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mohd Zaidi Mahmud & Bahiyah Omar. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 35-54
- Radiah Yusoff. (2012). *Pegi mampos la bodoh*: satu tinjauan terhadap ungkapan makian dan ke (tidak) santunan dalam interaksi internet. Dalam Marlynnna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Pynt.), *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa*, 220-249. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Ezaleila Mustafa. (2014). Penghijrahan dari dunia realiti ke dunia maya: tinjauan umum terhadap dunia maya sosial terpilih. *Malaysian Journal of Communication*, 30 (Special Issue), 243-258
- Sanaa, I. & Qamar, K. (2012). Facebook Status Updates: A Speech Act Analysis. *Academic Research International*. 3(2). 501-507
- Searle, J.R. (1969). *Speech Acts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Scott,A.D., Erica, J.B., & Rudolph, L.M. (2013). Towards automated personality identification. [http://clic.cimec.unitn.it/fabio/wcpr13/appling\\_wcpr13.pdf](http://clic.cimec.unitn.it/fabio/wcpr13/appling_wcpr13.pdf). (diakses pada 5 Januari 2015).
- Zalila Isa. (2010). Media siber dan bahasa kebebasan yang ada batasannya. *Dewan Bahasa* . 10 (3): 20-23.
- Zalila Isa. (2012). Facebook dan tanggung jawab berbahasa. *Dewan Bahasa*. 12 (4): 12-15.